

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI-PERTUAN AGONG
DI ISTANA NEGARA, KUALA LUMPUR
7 JUN 2008

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

MENGADAP SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI AL-MARHUM SULTAN
MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH

MENGADAP SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUANKU NUR ZAHIRAH

AMPUN TUANKU

SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN

1. BAGI PIHAK KERAJAAN DAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA, PATIK MELAFAZKAN DOA KESYUKURAN KERANA PADA HARI INI, NEGARA MALAYSIA DAN SELURUH WARGANYA DAPAT SEKALI LAGI MENGADAKAN ACARA SAMBUTAN SEMPENA HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN RASMI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG.

2. PATIK MENDOAKAN AGAR TUANKU SERTA TUANKU RAJA PERMAISURI AGONG BERADA DALAM KEAFIATAN, BERSEMAYAM DI TAKHTA KERAJAAN DENGAN SEGALA KEBESARAN DAN KEDAULATAN. SELURUH RAKYAT NEGARA INI MEMBULATKAN IKRAR TAAT SETIA KEPADA TUANKU, SEMOGA AKAN TERUS MEMERINTAH NEGARA DENGAN PENUH ADIL DAN TAKZIM, SERTA TERUS BERPERANAN SEBAGAI LAMBANG KEUTUHAN NEGARA. SEMOGA NEGARA DAN RAKYAT YANG BERADA DI BAWAH PAYUNG NAUNGAN TUANKU, AKAN DIKURNIA DAN DILIMPahkan OLEH ALLAH S.W.T. SEGALA KERAHMATAN, KEBERKATAN DAN KESEJAHTERAAN JUA HENDAKNYA. AMIN, YA RABBAL ALAMIN.

AMPUN TUANKU

3. PELBAGAI PERISTIWA PENTING TELAH BERLAKU DALAM NEGARA INI YANG DINAUNGI PADUKA TUANKU UNTUK TEMPOH SETAHUN TERAKHIR YANG LALU. PADA OGOS LEPAS, RAKYAT MALAYSIA DI SELURUH PELUSUK NEGARA TELAH SAMA-SAMA MERAIKAN ULANGTAHUN KEMERDEKAAN NEGARA KE-50 YANG DISAMBUT DENGAN PENUH WARNA-WARNI DAN GILANG GEMILANG. PADA 10 OKTOBER YANG LALU, DALAM KEHENINGAN MALAM DI BULAN RAMADHAN, PERASAAN BANGGA DAN GEMBIRA SELURUH WARGA MALAYSIA JELAS TERPANCAR APABILA SEORANG ANAK MUDA NEGARA BERLEPAS KE STESEN ANGKASA ANTARABANGSA (ISS) MENJADI ANGKASAWAN PERTAMA MALAYSIA. DAN PADA BULAN MAC YANG LEPAS PULA, KITA TELAH SAMA-SAMA MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGA DI SEBUAH NEGARA YANG MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN, MENGUNDI DI DALAM PILIHANRAYA UMUM KE-12.

4. BERKAT RESTU DAN SOKONGAN TUANKU, KERAJAAN TELAH DIBENTUK DAN KINI KEMBALI MENJALANKAN TUGAS, MELAKSANAKAN PELBAGAI STRATEGI DAN PROGRAM UNTUK MENJANA PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA. ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB PATIK BERSAMA ANGGOTA JEMAAH MENTERI, DENGAN DIBANTU OLEH BARISAN JENTERA KERAJAAN, UNTUK MENJUNJUNG TITAH TUANKU DAN MEMASTIKAN AGAR TANGGUNGJAWAB MEMBANGUNKAN NEGARA AKAN DILAKSANAKAN DENGAN PENUH AMANAH DAN DEDIKASI.

AMPUN TUANKU,

5. KEWUJUDAN INSTITUSI YANG EFISIEN, KUKUH DAN MAPAN MERUPAKAN PRASYARAT UTAMA UNTUK MENCAPAI TAHAP SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN DISEGANI. MENYEDARI AKAN HAKIKAT INI, KERAJAAN SENTIASA BERILTIZAM DAN KOMITED DALAM USAHA MENAMBAHBAIK PELBAGAI INSTITUSI YANG MENJADI TONGGAK PENTADBIRAN DAN PERLAKSANAAN NEGARA. PELBAGAI USAHA TELAH DIGAGAS DAN DILAKSANAKAN DI SEGENAP INSTITUSI DAN KINI, USAHA DAN KOMITMEN TERSEBUT TELAH MULA MEMBUAHKAN HASIL. PERKHIDMATAN AWAM, PERGURUAN, KEPOLISAN DAN KETENTERAAN MERUPAKAN ANTARA INSTITUSI YANG TELAH TERLIBAT DENGAN USAHA INI. NAMUN, USAHA DAN KOMITMEN KERAJAAN DALAM KONTEKS INI TIDAK TERHENTI HANYA SETAKAT ITU. PELBAGAI USAHA TERUS DIRANCANG DAN AKAN DILAKSANAKAN, BAIK UNTUK TERUS MENAMBAHBAIK INSTITUSI-INTITUSI YANG TELAH DIBERIKAN FOKUS SEBELUM INI, MAHUPUN KEPADA INTISTUSI-INSTITUSI YANG LAIN.

6. MENDAHULUI SENARAI ADALAH SISTEM KEHAKIMAN NEGARA. SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA TIGA CABANG UTAMA NEGARA, ADALAH AMAT PENTING UNTUK SISTEM KEHAKIMAN DIPASTIKAN MENJADI SEBUAH INSTITUSI YANG ADIL, DIHORMATI DAN DIYAKINI. JUSTERU, INSTITUSI INI MERUPAKAN INSTITUSI YANG MENDAPAT PERHATIAN TERAWAL KERAJAAN SEBAIK SAHAJA PILIHANRAYA UMUM YANG LALU BERAKHIR. KERAJAAN TELAH MENGUMUMKAN PENUBUHAN SATU SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN YANG BERTUJUAN UNTUK MENAMBAHBAIK PROSES PELANTIKAN HAKIM-HAKIM NEGARA SUPAYA LEBIH TELUS DAN SISTEMATIK. STRUKTUR SURUHANJAYA TERSEBUT KINI SEDANG DIBINCANGKAN DENGAN MEREKA YANG BERKEPENTINGAN DALAM BIDANG KEHAKIMAN NEGARA; BUTIRANNYA AKAN DIMUKTAMADKAN DAN DIBENTANGKAN DALAM SESI PARLIMEN YANG AKAN DATANG.

7. KERAJAAN JUGA AKUR DAN AMAT PRIHATIN KEPADA HAKIKAT BAHAWA SESEBUAH NEGARA ITU AKAN LUMPUH DAN TUMBANG JIKA MASALAH RASUAH, PENYELEWENGAN DAN SALAH GUNA KUASA TIDAK DITANGANI DENGAN BERKESAN. ATAS DASAR ITULAH, KESERIOUSAN DAN KOMITMEN KERAJAAN DALAM USAHA MEMBANTERAS DAN MEMERANGI GEJALA INI SERTA MEMPERKUKUHKAN INTEGRITI, TIDAK PERNAH PUDAR. DALAM TEMPOH SETAHUN YANG LALU INI, KERAJAAN TELAH MENINGKATKAN TAHAP PENGUATKUASAAN DENGAN MENAMBAHKAN BILANGAN PEGAWAI ANTI-RASUAH, TERMASUKLAH GOLONGAN PAKAR SEPERTI JURUAUDIT FORENSIK. KERAJAAN PERSEKUTUAN JUGA TELAH MEMBANGUNKAN AKADEMI BPR BAGI MEMPERTINGKATKAN KEMAMPUAN DAN TAHAP KEMAHIRAN PEGAWAI-PEGAWAI ANTI-RASUAH INI.

8. TIDAK TERHENTI SETAKAT ITU SAHAJA, BAGI MEMPERHEBATKAN AGENDA ANTI-RASUAH NEGARA, KERAJAAN PERSEKUTUAN BARU-BARU INI TELAHPUN MENGUMUMKAN BAHAWA BADAN PENCEGAH RASUAH AKAN DISTRUKTURKAN

SEMULA SEBAGAI SEBUAH SURUHANJAYA. DI BAWAH STRUKTUR BARU SURUHANJAYA TERSEBUT, SATU PANEL PENASIHAT BEBAS PENCEGAHAN RASUAH DAN SATU JAWATANKUASA PARLIMEN MENGENAI PENCEGAHAN RASUAH AKAN DIWUJUDKAN. KERAJAAN PERCAYA BAHAWA DENGAN ADANYA PANEL PENASIHAT BEBAS SERTA JAWATANKUASA PARLIMEN INI, KETELUSAN DAN KEBERKESANAN DALAM PERLAKSANAAN FUNGSI SURUHANJAYA TERSEBUT NANTI AKAN DAPAT DIPASTIKAN, DI SAMPING MEMPERKUKUHKAN ELEMEN AKAUNTABILITI DALAM SETIAP TINDAKAN YANG DIAMBIL.

AMPUN TUANKU,

9. SEMEMANGNYA USAHA UNTUK MENINGKATKAN TAHAP DAN KEMAPANAN KUALITI HIDUP RAKYAT SENTIASA MENJADI AGENDA PENTING KERAJAAN. TIDAK HANYA SETAKAT MEMENUHI KEPERLUAN ASAS, KERAJAAN JUGA PERCAYA BAHAWA KUALITI HIDUP RAKYAT AMAT BERGANTUNG KEPADA PEMEROLEHAN PENDAPATAN MEREKA. ALHAMDULILLAH, PENDAPATAN ISI RUMAH PURATA DI KALANGAN RAKYAT MALAYSIA TELAH MENINGKAT DARIPADA RM3,249 PADA TAHUN 2004 KEPADA RM3,686 PADA TAHUN 2007 IAITU PENINGKATAN PURATA MELEBIHI 4.3 PERATUS SETAHUN. PENINGKATAN INI MERENTASI KESEMUA KUMPULAN ETNIK, BAHKAN MERAPATKAN JURANG PENDAPATAN ANTARA KUMPULAN ETNIK. PENINGKATAN INI PASTINYA ADALAH HASIL PERTUMBUHAN EKONOMI YANG KUKUH, YANG TELAH MENJANA PELUANG PEKERJAAN DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN DI KALANGAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA.

10. ANTARA PENCAPAIAN YANG PALING MEMBANGGAKAN IALAH APABILA PENDAPATAN ISI RUMAH DI LUAR BANDAR JUGA TURUT MENINGKAT, IAITU PADA KADAR 6.8 PERATUS SETAHUN, DARIPADA RM1,875 PADA TAHUN 2004 KEPADA RM2,283 PADA TAHUN 2007. HASIL DARIPADA PENINGKATAN PENDAPATAN ISI RUMAH DI LUAR BANDAR YANG LEBIH TINGGI, NISBAH KETIDAKSAMAAN PENDAPATAN ANTARA LUAR BANDAR DENGAN BANDAR TELAH BERTAMBAH BAIK, BAHKAN TELAH MELEPASI SASARAN RANCANGAN MALAYSIA KE-9 IAITU 1 : 2.0 PADA TAHUN 2010.

11. KESUNGGUHAN DAN KEGIGIHAN NEGARA DALAM USAHA MENGHAPUSKAN KEMISKINAN TELAH MENUNJUKKAN KESAN YANG BEGITU KETARA. MALAH KITA SEWAJARNYA BERBANGGA KERANA USAHA-USAHA KITA DALAM KONTEKS INI TELAH MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DARIPADA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU. SECARA KESELURUHAN, PERATUSAN KEMISKINAN TELAH BERKURANG DARIPADA 5.7 PERATUS PADA TAHUN 2004 KEPADA 3.6 PERATUS PADA TAHUN 2007. GOLONGAN MISKIN TEGAR PULA TELAH BERKURANG DARIPADA 1.2 PERATUS PADA TAHUN 2004 KEPADA HANYA 0.7 PERATUS PADA TAHUN 2007. BERASASKAN KEPADA PRESTASI INI, KERAJAAN YAKIN BAHAWA SASARAN RMKE-9 UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN TEGAR MENJELANG TAHUN 2010 AKAN DAPAT DICAPAI.

12. PENGURANGAN KEMISKINAN BERLAKU DI KEDUA-DUA KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR. STATISTIK KEMISKINAN BANDAR BERKURANG DARIPADA 2.5 PERATUS PADA TAHUN 2004 KEPADA 2.0 PERATUS PADA TAHUN 2007, SEMENTARA BAGI KAWASAN LUAR BANDAR PULA, STATISTIKNYA BERKURANG DARIPADA 11.9 PERATUS KEPADA 7.1 PERATUS. SABAH DAN SARAWAK JUGA TURUT MENGECAPI FAEDAH DARIPADA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BERTERUSAN DAN PERLAKSANAAN PELBAGAI PROGRAM PEMBANGUNAN YANG BERTUJUAN MEMBANTU GOLONGAN MISKIN DAN BERPENDAPATAN RENDAH. STATISTIK KEMISKINAN DI SABAH TELAH BERKURANG KEPADA 16.0 PERATUS PADA TAHUN 2007 BERBANDING

23.0 PERATUS PADA TAHUN 2004, MANAKALA DI SARAWAK PULA, STATISTIK KEMISKINAN BERKURANG DARIPADA 7.5 PERATUS PADA TAHUN 2004 KEPADA 4.3 PERATUS PADA TAHUN 2007.

AMPUN TUANKU,

13. BAGI MERAPATKAN JURANG PENDAPATAN DI ANTARA NEGERI DAN WILAYAH, KERAJAAN TELAH MELANCARKAN PENDEKATAN KORIDOR-KORIDOR PEMBANGUNAN. INISIATIF KORIDOR-KORIDOR KERAP DISALAH-ANGGAP OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU TETAPI HAKIKATNYA, KORIDOR-KORIDOR PEMBANGUNAN YANG TELAH DILANCARKAN MERUPAKAN TEKAD KERAJAAN UNTUK MENAMBAH PELUANG PEKERJAAN DAN PERNIAGAAN UNTUK RAKYAT NEGERI-NEGERI TERSEBUT KE TAHAP YANG TINGGI DAN MAJU SEPERTI DI LEMBAH KELANG. USAHA-USAHA KE ARAH INI TELAH MULA MEMBUAHKAN HASIL. SETAKAT INI, KORIDOR ISKANDAR MALAYSIA TELAH MENERIMA 160 PELABUR DENGAN JUMLAH PELABURAN DIRANCANG SEBANYAK RM33 BILION. KORIDOR-KORIDOR PEMBANGUNAN DI UTARA, PANTAI TIMUR, SABAH DAN SARAWAK JUGA TELAH MENERIMA MINAT DARI PELABUR-PELABUR. PAKEJ INSENTIF AKAN DIUMUMKAN BAGI KORIDOR-KORIDOR TERSEBUT DALAM MASA YANG TERDEKAT BAGI MENARIK LEBIH BANYAK PELABURAN DAN PELUANG PEKERJAAN.

14. DALAM KONTEKS EKONOMI, TAHUN 2007 MERUPAKAN SATU TAHUN YANG AMAT MENCABAR KEPADA EKONOMI DUNIA. KRISIS PINJAMAN SUBPRIMA YANG BERLAKU DI AMERIKA SYARIKAT MERUPAKAN ANCAMAN YANG MEMUNGKINKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA TERUTAMANYA DI NEGARA MEMBANGUN ADALAH LEMBAB. SEBAGAI SEBUAH NEGARA DENGAN EKONOMI TERBUKA, MALAYSIA JUGA TIDAK TERKECUALI DALAM MENERIMA IMPAK DARI MASALAH INI.

15. NAMUN ALHAMDULILLAH, PERKEMBANGAN EKONOMI NEGARA PADA TAHUN 2007 ADALAH MENGGALAKKAN, SEKALIGUS MEMBUKTIKAN BAHAWA NEGARA BERADA PADA LANDASAN YANG KUKUH. KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) SEBENAR DICATATKAN PADA KADAR 6.3 PERATUS UNTUK TAHUN 2007 WALAUPUN DENGAN PERSEKITARAN EKONOMI GLOBAL YANG BEGITU MENDUGA. KESEMUA SEKTOR MENCATATKAN PERTUMBUHAN YANG KUKUH TERUTAMANYA SEKTOR PERKHIDMATAN, PEMBINAAN, PERLOMBONGAN DAN PERLADANGAN. PERTUMBUHAN PERMINTAAN PENGGUNA BERADA PADA PARAS YANG MANTAP IAITU PADA 11.8 PERATUS. KERAJAAN JUGA TELAH BERJAYA MENURUNKAN KADAR DEFISIT NEGARA KE PARAS 3.2 PERATUS. PERTUMBUHAN INI DISOKONG OLEH DAYA KETAHANAN EKONOMI DALAMAN YANG MANTAP DAN STRUKTUR EKONOMI YANG LEBIH PELBAGAI. PENCAPAIAN INI JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN SENTIASA MELAKSANAKAN DASAR SERTA STRATEGI PENGURUSAN EKONOMI NEGARA SECARA FLEKSIBEL DAN PRAGMATIK.

16. NAMUN BEGITU, MASIH BANYAK LAGI CABARAN YANG PERLU DITANGANI DEMI MEMASTIKAN NEGARA AKAN TERUS MELANGKAH MAJU KE HADAPAN. PERTUMBUHAN EKONOMI DUNIA DIJANGKA LEMBAB KESAN DARIPADA PERTUMBUHAN EKONOMI AMERIKA SYARIKAT YANG TIDAK BERKEMBANG DAN KESAN LANJUTAN KE ATAS EROPAH BARAT SERTA EKONOMI BARU MUNCUL DAN SEDANG MEMBANGUN. PROSPEK EKONOMI DUNIA DIJANGKA TERUS MENGALAMI KELEMBAPAN BERIKUTAN KEJATUHAN PASARAN GADAIAN SUBPRIMA AMERIKA SYARIKAT YANG MASIH MELEMAHKAN KREDIT DUNIA. PERSAINGAN SERANTAU JUGA SEMAKIN SENGIT DENGAN CHINA DAN INDIA TERUS MENCATATKAN PERTUMBUHAN YANG TINGGI. NAMUN, CABARAN UTAMA YANG DIDEPANI OLEH

MASYARAKAT DUNIA YANG JUGA AMAT MENJEJASKAN KITA ADALAH KENAIKAN MENDADAK HARGA KOMODITI DUNIA, TERUTAMANYA MINYAK DAN MAKANAN. LEWAT KEBELAKANGAN INI, HARGA MINYAK MENTAH DUNIA ADALAH SEKITAR 125 – 130 DOLAR AMERIKA SETONG.

17. SITUASI INI MERUPAKAN CABARAN UTAMA NEGARA KITA PADA HARI INI. KERAJAAN SESUNGGUHNYA AMAT PRIHATIN TERHADAP PERASAAN DAN TARAF HIDUP RAKYAT. ATAS SEBAB ITULAH, KERAJAAN TELAH BERTAHAN SEBANYAK DAN SELAMA YANG MUNGKIN, UNTUK MELINDUNGI RAKYAT DARIPADA KENAIKAN HARGA. NAMUN, HARGA KOMODITI DUNIA TELAH MELONJAK NAIK DENGAN TERLALU TINGGI DALAM MASA YANG AMAT SINGKAT. PADA BULAN JANUARI 2007, HARGA MINYAK MENTAH DUNIA HANYALAH SEKITAR USD50 SETONG. KINI, 18 BULAN KEMUDIAN, HARGA MINYAK MENTAH SUDAH MENINGKAT LEBIH 150 PERATUS KE HAMPIR USD130 SETONG. PAKAR-PAKAR DUNIA MENJANGKAKAN BAHAWA HARGA MINYAK MENTAH DUNIA MUNGKIN TERUS MENINGKAT KE PARAS USD200 SETONG. DALAM SITUASI INI, HAKIKATNYA PERBELANJAAN KERAJAAN TIDAK AKAN DAPAT MEMENUHI JURANG DI ANTARA HARGA TERKAWAL YANG RENDAH DENGAN HARGA MINYAK MENTAH DUNIA, WALAUPUN DENGAN PENINGKATAN PEROLEHAN PETRONAS.

18. INI ADALAH CABARAN YANG PERLU DITANGANI DI SELURUH NEGARA. KERAJAAN SEDAR BAHAWA KENAIKAN HARGA BAHAN API MENIMBULKAN KERESAHAN DAN KEBIMBANGAN DI KALANGAN RAKYAT. OLEH ITU, KERAJAAN AKAN BERUSAHA SEDAYA UPAYA UNTUK MENGURANGKAN KESEMPITAN YANG DIALAMI, TERUTAMANYA OLEH GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DENGAN MENAMBAH JUMLAH BANTUAN SECARA LANGSUNG DAN MEMPERKUKUHKAN JARINGAN JAMINAN SOSIAL. KERAJAAN JUGA AKAN BERUSAHA UNTUK MENJIMATKAN PERBELANJAAN SEKTOR AWAM, MEMPERLUASKAN SENARAI BARANGAN KAWALAN, MENINGKATKAN JUMLAH KENDERAAN PENGANGKUTAN AWAM SERTA MENANGGUHKAN PROGRAM-PROGRAM YANG TIDAK MEMENUHI KEPERLUAN TERKINI. NAMUN PADA MASA YANG SAMA, ADALAH MENJADI HARAPAN KERAJAAN AGAR RAKYAT MENDAPATKAN MAKLUMAT YANG BETUL DAN SAHIF BERHUBUNG FENOMENA INI AGAR DAPAT BENAR-BENAR MEMAHAMI APA YANG SEDANG DIHADAPI OLEH NEGARA. SETIAP DARI KITA ADA PERANAN DAN TANGGUNGJAWABNYA DALAM MENGHADAPI SUASANA GETIR SEUMPAMA INI. JUSTERU, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENGHARUNGI DUGAAN INI DENGAN TABAH, DEMI KESEJAHTERAAN KITA BERSAMA DAN DEMI MASA DEPAN NEGARA INI DAN GENERASI SETERUSNYA.

AMPUN TUANKU

19. KERAJAAN PERCAYA TIDAK ADA SEBARANG CABARAN YANG TIDAK DAPAT KITA DEPANI JIKA KITA BERSATU DAN BERSEEDIA UNTUK MENDEPANINYA BERSAMA-SAMA. RAKYAT AMAT MEMERLUKAN SOKONGAN RAKYAT DALAM MENGHADAPI SAAT-SAAAT DAN UJIAN YANG GETIR INI. PATIK YAKIN, UJIAN YANG MELANDA INI TIDAK AKAN MELEMAH DAN MENUMBANGKAN KITA SEBALIKNYA MENJADIKAN KITA LEBIH KUAT, BIJAK DAN MATANG UNTUK MENGHADAPI HARI-HARI SETERUSNYA. PATIK PERCAYA, DUGAAN YANG BEGITU MENCABAR INI TIDAK AKAN SEKALI-KALI MELEMAHKAN SEMANGAT DAN KEAZAMAN KITA UNTUK MELETAKKAN NEGARA INI SUPAYA DAPAT BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN NEGARA-NEGARA MAJU MENJELANG TAHUN 2020 NANTI. JUSTERU, PATIK MENGHARAPKAN RESTU DAN NASIHAT DARI TUANKU, SERTA KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU SELURUH RAKYAT MALAYSIA.

20. PATIK PERCAYA BAHAWA COGANKATA "KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA" TETAP TERUS MENJADI PEGANGAN SETIAP RAKYAT. NEGARA HANYA AKAN MAJU APABILA RAKYAT TERUS BERSATU DI BAWAH NAUNGAN TUANKU YANG BERDAULAT.

21. KEDAULATAN DAN KEBESARAN SEORANG RAJA PEMERINTAH DIUKUR DARI KEJAYAAN NEGARA DAN PENCAPAIAN KERAJAAN DI BAWAH NAUNGAN BAGINDA. DALAM PADA ITU, PATIK MEMOHON PETUNJUK DAN KEKUATAN DARI ILAHI, UNTUK DAPAT MELAKSANAKAN AMANAH TUANKU DAN AMANAH RAKYAT, MEMBAWA NEGARA MALAYSIA MENCAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG, GEMILANG, DAN TERBILANG.

22. SEMPENA HARI ULANG TAHUN KEPUTERAAN TUANKU, IZINKAN PATIK MELAFAZKAN SEMBAH UCAPAN DIRGAHAYU TUANKU, SERTA MENGULANGI SEMBAH IKRAR TAAT SETIA PATIK BAGI PIHAK KERAJAAN DAN RAKYAT TUANKU.

SEKIAN,

AMPUN TUANKU BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK HARAP DIAMPUN.